

01/11/2002

Qari Indonesia, qariah Brunei johan tilawah

KUALA LUMPUR, Khamis - Qari dari Indonesia dan qariah Brunei menjuarai kategori masing-masing pada Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-44, yang berakhir malam ini.

Pegawai agama, Bakri Baru memenangi kategori lelaki dengan markah 85.67 peratus, manakala johan qariah, Dayang Aminah Abdul Manaf yang juga guru agama, memperoleh 88 peratus.

Tempat kedua bahagian qari dimenangi Abd Ghani Hashim dari Malaysia dengan memperoleh 84.88 peratus, manakala Masoud Enayati Moghaddam dari Iran di tempat ketiga dengan 84.75 peratus.

Qariah dari Malaysia, Umi Kalthum Mohd Zin pula mendapat tempat kedua dengan markah 86.83 peratus dan peserta Filipina, Aisah Musa, mendapat tempat ketiga dengan markah 85.25 peratus.

Johan qari dan qariah masing-masing menerima hadiah wang tunai RM15,200, piala pusingan, piala iringan dan sijil penyertaan.

Naib johan qari dan qariah menerima RM11,400, tempat ketiga (RM7,600) dan sugu hati (RM3,800).

Hadiah disampaikan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail. Turut hadir, Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Majlis tilawah yang berlangsung di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sejak 26 Oktober lalu bertemakan Bersama Hayati Keindahan Islam.

Seramai 73 qari dan qariah dari seluruh dunia menyertai tilawah tahun ini iaitu jumlah tertinggi yang pernah dicatatkan sejak acara itu dimulakan pada awal 60-an.

Dayang Aminah menyifatkan kejayaannya kali ini sebagai rezeki anak kerana beliau baru saja melahirkan anak kelapan.

"Ini rezeki anak. Saya baru bersalin 52 hari. Ketika tilawah peringkat negara, saya mengandungkan anak kelapan. Ini kali ketiga saya menyertai pertandingan pada peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau yang berusia 35 tahun itu berkata, beliau tidak mempunyai rahsia tertentu untuk mencapai kejayaan selain dari membaca al-Quran setiap hari.

"Al-Quran perlu dibaca selalu bagi memudahkan bacaan menjadi lancar selain ia adalah kitab suci umat Islam," katanya.

Johan qari, Bakri, 33, pula berharap tilawah ini turut diperkembangkan kepada bahagian hafalan al-Quran dan juga dianjurkan oleh negara lain.

Bapa kepada tiga cahaya mata berasal dari Makasar, Sulawesi, berkata beliau mula belajar al-Quran seawal usia lima tahun dan menyertai tilawah sejak berusia sembilan tahun.

"Walaupun kita fasih membaca al-Quran, tetapi masih perlu berguru dan tidak boleh rasa cukup kerana ilmu al-Quran tidak ada batasan serta terlalu banyak," katanya.